

**NO SOALAN :66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN  
(SEPANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 08.06.2015**

**Y.B. TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [ SEPANG ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. apakah halangan-halangan yang menghalang wang 1MDB sebanyak RM4 bilion dibawa balik ke Malaysia dan disimpan di BSI iaitu sebuah "private bank" di Singapura sedangkan berdasarkan laporan kewangan BSI yang terbaru yang disiarkan di laman sesawangnya, BSI dilaporkan mangalami kerugian sebanyak US\$722 juta; dan
- b. apakah peranan Ashmore Investment Management Ltd, sebuah institusi kewangan di United Kingdom dalam urusan perniagaan antara 1MDB dan Petro-Saudi khususnya peranan eksekutif seniornya iaitu Patrick Mahony.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dakwaan YB Sepang berkenaan BSI dan Ashmore Investment Management Ltd adalah berdasarkan laporan/sumber yang tidak diketahui kesahihannya sesuai dengan peraturan 23(1)(i) Perintah Tetap (*Standing Order*), yang menyatakan bahawa “*a question shall not be asked as to whether statements in the press or of private individuals or financial bodies are accurate*”.